

NO. SOALAN: 165

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 12.06.2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan ekoran kenyataan bahawa parti-parti politik dan ahli-ahli politik dianggap melakukan amalan rasuah sebagaimana didedahkan oleh Transparency International Malaysia, apakah mekanisme komprehensif dan berkesan yang digunakan untuk memperundangkan dana politik dengan tujuan untuk membasmi amalan rasuah dan politik wang.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Mewujudkan kawalan ke atas dana politik merupakan salah satu daripada inisiatif NKRA Memerangi Rasuah dan ini menjelaskan bahawa Kerajaan adalah komited dalam mentransformasikan pentadbiran Kerajaan seterusnya memulihkan persepsi rakyat Malaysia khususnya dan dunia amnya. Kajian telah dibuat oleh NKRA Memerangi Rasuah terhadap penerimaan dana politik dimana pengawalan ke atas dana politik mampu memulihkan persepsi masyarakat terhadap usaha kerajaan memerangi rasuah.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah kajian ke atas Akta Pertubuhan 1966, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957 serta Akta Anti Pengubahan Wang Haram and Anti Kewangan Pengganas 2001 (AMLATFA) telah pun dijalankan. Ianya bertujuan untuk meminda peruntukan-peruntukan yang berkaitan bagi merealisasikan kawalan ke atas dana politik serta dipantau secara berkesan.

Pejabat Pendaftar Pertubuhan dengan bantuan Jabatan Peguam Negara sedang meneliti peruntukan perundangan yang bersesuaian bagi perlaksanaan pengawalan sumbangan politik sebagai satu pembaharuan dengan mengambil kira syor-syor yang dikemukakan oleh pihak *Transparency International* Malaysia (TI-M). Di antara kriteria-kriteria awal yang dicadang untuk dilaksanakan telah

diumumkan oleh YAB Perdana Menteri bagi pelaksanaan inisiatif Pembiayaan Politik iaitu:

- (a) Setiap dana/pembiayaan politik mestilah dibuat di atas nama parti dan bukannya atas nama individu dalam parti;
- (b) Setiap dana/pembiayaan politik yang diterima mestilah direkodkan dan dikeluarkan resit penerimaan; dan
- (c) Akaun parti mestilah diaudit pada setiap tahun berakhir.

Melalui GTP 2.0, satu inisiatif baru telah diperkenalkan iaitu induksi integriti kepada Ahli-Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Sehingga kini seramai 80 orang Ahli Parlimen dari pelbagai parti telah menghadiri induksi Integriti yang telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi iaitu Institut Integriti Malaysia (IIM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), NKRA Membanteras Rasuah dan juga IDEAS.

Diharapkan lebih ramai Ahli Parlimen yang akan tampil untuk menghadiri induksi seumpama ini dan meningkatkan tahap integriti serta tahap pemahaman terhadap isu rasuah. Ini adalah salah satu usaha bagi mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap pemimpin politik kerana ahli-ahli politik perlu menjadi '*role model*' dan menunjukkan tauladan integriti tidak kira apa jua ideologi politik.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

TARIKH : 12 JUN 2014

SOALAN : 166

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan sistem pengurusan trafik udara yang baru serta menukar sistem radar bagi memastikan sistem pengurusan trafik udara memenuhi piawaian antarabangsa. Berapakah kos yang diperlukan untuk tujuan tersebut.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Ayer Hitam, Kerajaan sentiasa menaiktaraf dan menambahbaik sistem radar secara holistik di tiga (3) buah Pusat Kawalan Trafik Udara utama iaitu di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching dalam memantau pesawat-pesawat yang beroperasi di ruang udara Malaysia. Peningkatan sistem radar ini juga merupakan keperluan utama bagi memastikan kesinambungan pengendalian kawalan trafik udara yang selamat dan cekap seiring dengan peningkatan pergerakan pesawat serta permintaan industri penerbangan awam negara.

Baru-baru ini, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM700 juta bagi tujuan penaiktarafan sistem kawalan trafik udara, iaitu penggantian dua radar di KLIA serta pembinaan Pusat Kawalan Trafik Udara yang baru.

Disediakan oleh : Muhamad Mahfuz Bin Mohd Hatar
Telefon Pejabat : 03-8886 6221
Telefon Bimbit : 017-3745484
E-mel : mahfuz@mot.gov.my

Disemak oleh : Wan Said Wan Chek
Telefon Pejabat : 03-8886 6044
Telefon Bimbit : 019-260 4723
E-mel : wan_said@mot.gov.my

Maklumat Tambahan

1. Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Penerbangan Awam (DCA) telah melaksanakan Projek *Malaysia Air Traffic System Modernization Programme (MAT SMP) Improvement Project* di Tawau, Sabah dan Sibu, Sarawak dengan skop tambahan bagi pemasangan radar di Tawau dengan kos sebanyak Euro 26.05 juta yang telah siap sepenuhnya pada September 2011.
2. Kemampuan untuk menampung jumlah trafik yang meningkat tidak bergantung semata-mata kepada sistem radar di KLIA. Ianya hendaklah selari dengan elemen-elemen lain seperti jumlah pegawai kawalan trafik udara yang mencukupi untuk pengagihan tugas kerana beban kerja (*workload*) amat mempengaruhi tahap efisiensi.
3. DCA akan meningkatkan keupayaan dan kapasiti operasi kawalan trafik udara melalui projek *Air Traffic Management Operations Plan (ATMOP)*
 - a. Projek ATMOP merupakan projek pembinaan sebuah pelan menyeluruh bagi meningkatkan keupayaan operasi kawalan trafik udara Semenanjung Malaysia. Projek ini telah bermula pada 8 Oktober 2012 dan dijangka siap pada 7 Ogos 2016;
 - b. Projek ATMOP ini mempunyai 3 objektif utama seperti di bawah.
 - (i) Pelan operasi kawalan trafik udara bagi menampung peningkatan kapasiti trafik udara hasil daripada pembukaan KLIA2 dan infrastrukturnya. Projek ini akan merundingcara meningkatkan keupayaan pergerakan

keluar masuk pesawat dari KLIA dari 68 pergerakan pesawat sejam kepada 78 pergerakan sejam bermula daripada hari operasi KLIA2. Selain itu, ia juga merangkumi rancangan pelaksanaan operasi pendaratan dan pelepasan serentak dari mana-mana dua landasan KLIA.

- (ii) Pelan ATMOP juga akan melibatkan penyusunan semula keseluruhan laluan udara Semenanjung Malaysia mengikut kehendak *International Civil Aviation Organization Performance Based Navigation* (ICAO-PBN). Ia mengambil kira semua sudut termasuk peningkatan tahap keselamatan udara (*safety*), penjimatan pembakaran bahan api dan pengurangan pengeluaran karbon di udara.
- (iii) Pelan ATMOP akan melibatkan penyediaan dokumen tender sistem *Communication, Navigation, Surveillance – Air Traffic Management* (CNS-ATM) dan bantuan penilaian dalam pembinaan kompleks ATM baru di KLIA dalam menyokong kedua-dua objektif yang dinyatakan di atas.

4. Latar Belakang Kompleks ATCC sedia ada di Subang

- Kompleks ATCC sedia ada telah dibina pada tahun 1992.
- Kompleks ATCC sedia ada dibina untuk menampung 3 sektor *Area Control*, 2 Sektor *Approach Control* dan 1 Sektor *Flight Information Service* (FIS).

- Pada masa ini, *Area Control* telah bertambah kepada 6 sektor dan *Approach Control* telah bertambah kepada 4 posisi kerja.
- Bumbung logam kompleks tersebut disyorkan untuk diganti selepas 10 tahun manakala pendawaian elektrik disyorkan diganti selepas 20 tahun beroperasi bagi mengelakkan kegagalan fungsinya yang kini sudah dihujung hayat dan perlu ditukar.
- Tidak mempunyai ruang untuk penempatan sektor-sektor baru dan posisi-posisi kerja dimana DCA bercadang untuk menambah sektor *Area Control* kepada sekurang-kurangnya 10 sektor dan posisi *Approach Control* kepada sekurang-sekurangnya 13 posisi kerja.
- Sekiranya kompleks ATCC dan sistem ATM baru diluluskan, sistem ATM di kompleks sedia ada ini bukan sahaja boleh digunakan sebagai *Contingency Back-Up* malahan boleh digunakan untuk tujuan *Comprehensive On-Job-Training* atau dengan makna lainnya latihan simulator untuk pengawal trafik udara.